

30 APR 1999

Mahathir-Buku

MAHATHIR BERTERUS TERANG DALAM BUKU BARU

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gemar berterus terang.

Ini jelas dibuktikan dalam buku yang bakal diterbitkan berjudul "A New Deal For Asia" (Pelanduk Publications) yang menghuraikan rasa kecewanya terhadap kerakusan pedagang mata wang penyangak yang memporak-perandakan ekonomi Asia pada 1997 dan 1998.

Buku itu memaparkan isi hati seorang tokoh dunia dan pemikir ulung yang mengulas mengenai pelbagai isu kontemporari dengan jelas.

Mereka yang menerima kata-kata tajam dan kritik analitis dalam buku yang mudah dibaca ini mungkin terasa peritnya. Pengkritik beliau mungkin tidak setuju dengan telahannya mengenai punca krisis itu.

Memang sukar menolak ketajaman dan analisis beliau mengenai isu berbangkit dan bagaimana ia berlaku.

Dalam mengulas belenggu terbesar ekonomi abad ke-20, Dr Mahathir menulis daripada perspektif sebagai saksi terdekat mengenai gelombang yang melanda rantau ini.

Sambil memberikan pendapatnya tentang cara mana Asia harus bangkit daripada debu kemusnahan krisis kewangan, Dr Mahathir turut berkongsi pandangan bagaimana Asia telah memacu keluar ke arah kemakmuran, siapa yang memusnahkan impian Asia, nilai Asia dalam dunia yang bergelora, peranan Jepun dalam memulihkan Asia dan cara berhadapan dengan cabaran-cabaran alaf baru.

Dalam buku itu, beliau melepaskan rasa marahnya terhadap mereka yang melambatkan langkah Malaysia ke arah menjadi negara maju seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020.

Dr Mahathir yang tidak suka berdolak dalik, turut menumpukan sebahagian besar bukunya mengenai ciri-ciri Eropah yang disifatkannya sebagai suka berperang dan cenderung memiliki kebendaan.

"Tidak satu tahun yang berlalu dalam sejarah mereka bila mereka tidak berperang, tidak bertelagah. Keamanan tidak bermakna tidak bergaduh, hanya tidak berlaku perang rasmi. Dan pada masa ini mereka sekali lagi menambah perbelanjaan untuk meningkatkan keupayaan peperangan semata-mata untuk menyediakan diri dan menggerunkan pihak lain," katanya.

Sekali sekala, Eropah akan melontar bom dan peluru berpandu untuk memuaskan naluri perang mereka.

Nilai peradaban mereka ini telah mendorong mereka untuk membangunkan peralatan perang yang canggih, lengkap dengan senjata yang boleh membunuh. Dengan peningkatan peralatan secara berterusan, mereka berperang sesama sendiri dan dengan orang lain di mana-mana sahaja, katanya.

Dr Mahathir berkata oleh itu sejarah mereka adalah berperang tanpa ada kesudahan, setiap kali lebih ganas dan menyebabkan lebih banyak kemusnahan daripada sebelumnya.

Malah sebelum mereka menamatkan satu perang, mereka sudah bersedia untuk perang seterusnya dengan alasan "untuk mencapai keamanan, kita mesti bersedia untuk berperang."

Peralatan perang mereka diangkut melintasi lautan untuk berperang berat sebelah dengan penduduk negara-negara yang tidak suka berperang seperti di Asia, Afrika dan negara-negara benua Amerika, kata Dr Mahathir.

"Hak rakyat negara-negara langsung tidak dipedulikan walaupun mereka ini telah mendiami kawasan ini berkurun-kurun sebelum orang Eropah datang.

"Kepada orang Eropah, setiap tanah yang mereka nampak dianggap sebagai

yang baru dan oleh itu boleh diduduki. Malah mereka mencetuskan ide bahawa mereka dihantar oleh Tuhan untuk membawa peradaban kepada penduduk asal yang dianggap orang yang tidak beradab".

Jika penduduk asal menentang kemasukan peradaban itu, mereka dengan mudah diketepikan atau dimusnahkan terus daripada muka bumi, katanya.

Dr Mahathir berkata berdasarkan kepada sifat Eropah yang suka berperang dan menaluk, mereka bencikan keamanan.

"Mereka mesti berperang. Untuk ada peperangan, mereka mesti mencari musuh. Sekarang dalam keadaan negara-negara Eropah lebih kurang aman sesama mereka, tibalah masa untuk beralih ke negara bukan Eropah," kata Dr Mahathir.

Secara semula jadi atau dibentuk, orang Eropah telah mencipta senjata baru melalui manipulasi mata wang memandangkan mereka telah hilang selera terhadap kematian dan kegemilangan.

Senjata baru boleh memaksa musuh melutut tanpa sedikitpun mendatangkan risiko kepada pengendali dan mereka (pengendali) sebenarnya boleh mengaut berbilion dollar melalui operasi itu, katanya.

"Dengan membeli atau meminjam mata wang negara-negara dan kemudian menjualnya semula, mata wang itu boleh dinilai semula dan seterusnya memiskinkan negara itu dan rakyatnya. Mungkin ada pakatan dan mungkin tidak.

"Tetapi kumpulan pemikir utama orang Eropah memangnya mampu mencipta senjata kewangan ini bagi membolehkan mereka memperolehi kejayaan dan keuntungan. Dalam tempoh beberapa hari saja, rancangan kejam yang mudah dan tiada senjata pembunuh ini, telah memaksa negara-negara yang baru hendak maju di Asia Timur menjadi lemah dan menyerah."

-- BERNAMA
SHY LAT MAI